


# KATEKESIS @ RUMAH (#29) "BERJAGA-JAGALAH"

(Minggu Biasa ke-32 – 8 November 2020)

Disediakan oleh Pusat Kateketikal Keuskupan,  
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



## PENGENALAN

Bahan ini telah disediakan untuk menyediakan satu peluang bagi keluarga-keluarga untuk berkumpul dan meluangkan masa untuk berbincang tentang *Bacaan Injil Hari Minggu Biasa ke-32*

## CARA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi renungan-renungan dan aktiviti-aktiviti yang membolehkan ahli-ahli keluarga melakukannya secara individu (hanya kanak-kanak), secara berpasangan (dengan bantuan ibubapa), ataupun secara satu keluarga. Ianya akan membantu jika dicetak mukasurat-mukasurat tertentu agar setiap orang ataupun secara kumpulan boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang berlainan pada masa yang sama.

## BILA BOLEH MENGGUNAKAN BAHAN INI

Didalam minggu selepas keluarga anda merayakan Misa Minggu Biasa ke-32.

## DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa Surgawi, kita berkumpul sekali lagi pada hari ini didalam Nama Yesus. Bantulah kami untuk menyedari bahawa kami harus selalu bersedia untuk menerima Mu apabila Engkau datang kembali didalam Kemuliaan untuk menghakimi yang hidup dan yang mati. Semoga kita akan bersedia seperti gadis bijaksana didalam petikan Injil pada hari ini. Roh Kudus, bimbinglah kami semasa pembelajaran ini. Kami mohon didalam Nama Yesus. Amin.



## **RENUNGAN KITAB SUCI**

Jemput seseorang untuk membaca dari Injil Matius 25:1- 13

(Selepas itu, renungkan bersama-sama sebagai sebuah keluarga pada soalan-soalan berikut, dan kongsi respon anda kepada setiap orang. Jika perlu, para ibubapa digalakkan untuk mengubahsuai soalan-soalan itu menurut peringkat pemahaman anak-anak mereka).

1. Didalam petikan Injil ini disebut ada dua kumpulan orang, iaitu mereka yang sudah bersedia untuk berjumpa pengantin lelaki dan mereka yang tidak bersedia. Jika anda adalah salah seorang daripada mereka, didalam kumpulan yang manakah anda rasa ada berada? Kenapa?
2. Di tahap manakah anda rasa anda berada didalam bersedia untuk menerima Yesus apabila Dia datang kembali didalam Kemuliaan?

### **ULASAN SINGKAT:**

Melalui perumpamaan ini, Yesus memberi satu gambaran tentang budaya perkahwinan Yahudi pada masa itu. Pengantin lelaki akan menjemput pengantin perempuan dari rumah bapa mereka, selepas semua kesepakatan untuk hantaran selesai: tetapi didalam kisah ini berlaku kelewatan. Seorang hamba akan memberi peringatan kepada tuan rumah pengantin lelaki bahawa pasangan itu sudah didalam perjalanan.

Gadis-gadis yang bodoh telah pergi pada waktu lewat malam mencari penjual minyak, menyebabkan mereka lewat untuk menyambut kedatangan pasangan itu. Kebodohan lima orang gadis itu yang bukan sahaja lupa untuk membawa minyak lebihan, juga mereka mengandaikan bahawa pasangan itu akan tiba tepat sama pada waktunya tibanya pengantin lelaki.

Perumpamaan ini membantu kita untuk fokus pada waktu ini dan pada masa sekarang, iaitu, untuk hidup sepenuhnya pada masa sekarang, mencari dan mendapatkan Tuhan. Jika kita dapat melakukan itu, maka selebihnya akan berlaku dengan sendirinya. Samada Pengantin lelaki (Yesus) tiba awal atau lewat, itu tidak menjadi masalah sebab Dia telah secara berterusan menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Kesediaan, berjaga-jaga, ada rasa menjangkakan serta harapan adalah perkara-perkara yang mahu disampaikan oleh Yesus kepada para rasul melalui perumpamaan ini. Marilah kita memperbaharui komitmen kepada Allah dan membina serta membangun didalam hubungan dengan Allah melalui doa dan renungan, serta melalui tindakan kita sebagai seorang murid Kristian.

*Sumber: <https://www.sacredspace.ie/scripture/matthew-251-13>*

## **AKTIVITI-AKTIVITI SUSULAN**


Berikut anda akan dapati beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisar tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilih mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi seboleh mungkin cuba lakukan semuanya, jika anda boleh!

## Aktiviti #1: Selesaikan Silang Kata ini

# Beri aku minyak bagi lampu ku

Kerana itu, berjaga-jagalah, sebab kamu tidak tahu akan hari maupun akan saatnya (Matius 25:13)

Berdasarkan kepada Matius 25:1-13



### Across

1. suatu penghalangan ke suatu tempat yang perlu dibuka untuk masuk.
4. Pukul 12 malam
7. Tidak Sedar
8. Seseorang yang mempunyai pertimbangan yang bagus dan membuat keputusan baik dipanggil \_\_\_\_\_
9. Majlis dimana laki dan perempuan disatukan.

### Down

1. Satu Pesta yang diadakan meraikan orang ataupun upacara.
2. Peralatan yang digunakan untuk menerangi.
3. Memberi perhatian yang berhati-hati kepada sesuatu.
5. Satu cecair yang digunakan untuk sebagai bahan bakar.
6. Seseorang kalau tidak pandai membuat pertimbangan dipanggil \_\_\_\_\_

TENGAHMALAM  
TERTIDUR

PELITA  
PINTU

BERJAGA  
PERJAMUAN

MINYAK  
BIJAK

BODOH  
PERKAHWINAN

## Aktiviti #2: Cari Perkataan

### Beri aku minyak bagi lampu ku

Kerana itu, berjaga-jagalah, sebab kamu tidak tahu akan hari  
maupun akan saatnya (Matius 25:13)

Berdasarkan kepada Matius 25:1-13



D L B E R J U M P A M I B W J  
I M I N Y A K O V H U E I L G  
M K T J S M M N I S R S N P R  
A P A B M N T V A J Q U Z E B  
L E E L N V S K A A G R K N I  
A R I W N K P G M N J A Z I J  
M K U N R I A K A A P A M N A  
H A T D N E T B E L D T R G K  
A H Q T I H S N D J C A I E C  
G W U A O T D L A A G E M L K  
N I H H X A R C H G T N D E G  
E N Q A M N A E S M N A Y V M  
T A S P K H Y X T G Y E N N P  
Q N O Q B Z S U R G A V P G Q  
N A U M A J R E P Z H O D O B

**BODOH**

**TENGAH MALAM**

**PENGANTIN LAKI**

**PINTU**

**BERJUMPA**

**PERKAHWINAN**

**LAMPU MINYAK**

**TERTIDUR**

**PENING**

**MEMADAM**

**BIJAK**

**SURGA**

**GADIS**

**TAHAP**

**BERJAGA**

**MINYAK**

**PERJAMUAN**

**KERAJAAN**

**DATANG**

**BANGUN**

### Aktiviti #3: Padankan Perkataan

## Satu Perumpamaan

Lima gadis bijak membawa pelita dan minyak.

Lima gadis bodoh membawa pelita dan tiada minyak.

Pengantin laki telah datang.


Yang bijak telah bersedia untuk pergi.

Yang bodoh telah tertinggal dibelakang.

Berjaga! dan bersedia!



Padankan perkataan yang digariskan diatas ke dalam silangkata dibawah



## Aktiviti 4: Pilih yang mana betul atau salah

BibleWise

# 10 orang Gadis-Gadis

Matius 25:1-13

Adakah pernyataan di bawah BETUL ataupun SALAH?  
Baca kisah dan warnakan pada kotak-kotak yang berkaitan.



<b>BETUL</b>	<b>SALAH</b>
<b>BETUL</b>	<b>SALAH</b>
<b>BETUL</b>	<b>SALAH</b>
<b>BETUL</b>	<b>SALAH</b>
<b>BETUL</b>	<b>SALAH</b>

Semua ke sepuluh gadis-gadis itu telah bersedia untuk berjumpa pengantin lelaki


Gadis-gadis itu telah tertidur semasa menunggu pengantin lelaki

Lima orang gadis telah keluar untuk mencari minyak untuk lampu mereka.


Lima orang gadis telah memberi sedikit minyak kepada gadis-gadis yang kehabisan minyak

Pengantin lelaki telah membenarkan gadis-gadis yang tidak bersedia itu masuk.



**Aktiviti #5: Selesaikan Silangkata berikut:**





**Perumpamaan  
tentang  
10 orang Gadis**








1								2
		3		4		5		
	6							
7								
	8							
		10						

Padankan semua perkataan kedalam Silangkata

Perkahwinan  
Lampu  
Lima  
Bodoh  
Bijak  
Minyak  
Pengantin Laki  
Pintu  
Tertutup  
Tengah Malam

[www.biblekids.eu](http://www.biblekids.eu)

## Aktiviti #6: Cari perkataan




SEPULUH      LAMPU      LIMA  
 BODOH      BIJAK      MINYAK  
 PINTU      SEDAR      WAKTU  
 PENGANTIN PEREMPUAN  
 PENGANTIN LAKI      PERKAHWINAN



## Aktiviti #7: Selesaikan Silangkata

### Perumpamaan tentang 10 orang Gadis



#### Across

- Siapakah yang telah tiba apabila seruan dibuat?
- Siapakah yang menjadi mengantuk?
- Apakah pesta yang mahu dihadiri?
- Berapa bilangan semua gadis?

#### Down

- Berapa ramaikah gadis yang bijak?
- Apakah yang telah dipadamkan oleh gadis-gadis itu?
- Pada waktu yang manakah semua ini berlaku?
- Apa yang telah ditutup daripada separuh daripada gadis-gadis itu?




## Aktiviti #8: Pilih Laluan yang betul

Parable

### Sepuluh Orang Gadis

Seperti sepuluh orang gadis yang mempunyai satu pilihan untuk membawa minyak lebih dan bersedia untuk kedatangan pengantin laki, anda juga ada satu pilihan untuk memilih laluan untuk diikuti. Salah satu akan membawa anda menuju terang manakala yang satu lagi membawa kepada kegelapan.

TAMAT



Yesus berkata bahwa Kerajaan Surga seumpama sepuluh orang gadis yang menunggu kedatangan pengantin laki. Lima daripada gadis itu itu bijak dengan membawa minyak tambahan untuk lampu mereka. Lima orang lagi bodoh dan tidak membawa minyak tambahan. Pada waktu pengantin laki telah tiba lima gadis yang bodoh telah pergi untuk membeli minyak tambahan. Hanya lima orang gadis yang bijak dengan lampu mereka masih menyala telah menyertai pengantin laki. Kita perlu meluangkan masa setiap hari bersama Yesus untuk diisi dengan terang cintakasih-Nya agar apabila Dia datang kembali Dia dapat mengenali kita. Dengan cara itu, kita dapat masuk kedalam Kerajaan Surga bersama Dia.

Aktiviti #9: Warnakan Gambar ini



## Aktiviti #10: Seni Kraf Tanglung “Sinar cahaya abadi menyinari”

*Mat 5:16 - Demikianlah hendaknya terangmu bercahaya di depan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di surga.*



### **Apa yang perlu dilakukan:**

1. Potong kertas yang berukuran 8 ½ inci x 8 ½ inci
2. Lempatkan kertas itu kepada separuh.
3. Buat potongan-potongan hirisan yang berjarak sama disepanjang tepi yang berlepat tadi, dengan meninggalkan baki 1 inci tidak dipotong di tepi yang lagi satu.
4. Hiaskan dengan menggunakan pelekat, pen marker, dll.
5. Buka kertas ke atas dan kemudian gulung seperti dalam bentuk pipe supaya hirisan ke atas dan ke bawah.
6. Lekatkan dengan Gam dan tap pelekat bahagian tepi supaya melekat dengan bahagian tepi yang lagi satu.
7. Tekan ke bawah bahagian atas tanglung itu supaya berkembang sedikit dibahagian tengah.
8. Buat satu potongan selebar seinci untuk dijadikan sebagai pemegang
9. Lekatkan potongan selebar seinci tadi pada bahagian atas tanglung sebagai pemegang.